

**TALKING POINT**  
**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI**  
**12 DISEMBER 2018**  
**DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti**

**Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,**

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi kesempatan oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.

2. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang memberikan komitmen dengan menghadirkan diri ke program kita ini.
3. Hari ini merupakan hari terakhir kita bersenamrobik bagi tahun 2018 ini. InsyaAllah pada Januari 2019 nanti kita akan meneruskan aktiviti perjumpaan kita ini seperti biasa.

Hadirin hadirat sekalian,

### **INFO KESIHATAN**

4. Minggu ini info kesihatan akan saya bacakan pada hujung teks saya nanti. Ini adalah kerana kita akan melancarkan satu kempen bagi memberikan kesedaran kepada warga UniMAP khususnya dan masyarakat amnya.

### **BANTUAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN**

5. Dikesempatan ini, saya ingin menyeru warga UniMAP yang ingin bersedekah dan membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk sama-sama menyalurkan sumbangan berupa wang, pakaian sekolah dan alat tulis kepada pelajar-pelajar yang bakal menjalani persekolahan bagi tahun 2019.
6. Maklumat lanjut boleh hubungi PISKANITA UniMAP iaitu Dr. Azizah (01124122072) di INEE, Puan Ismiza (0134895484) di KWSP, Dr Zarina (0175487772) di UniCity, Cik Laili (0194449261) di Pauh. Malah katanya, jika kita mempunyai maklumat berkaitan asnaf, kita juga boleh menyalurkan maklumat tersebut kepada PISKANITA untuk saringan.

## PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Warga UniMAP yang dikasihi,

## UCAPAN TAHNIAH

7. Ucapan tahniah saya titipkan buat pelajar tahun satu FTK iaitu Mohd Zharif Asyraf Ismail yang menjuarai Melaka Ultra (Matra) bagi kategori terbuka lelaki 100 kilometer di Melaka pada 18 November 2018 lalu dengan catatan masa 13 jam 27 minit.
8. Tahniah juga diucapkan kepada pelajar FTK iaitu Mohamad Akram Alia kerana telah Berjaya menduduki tempat ke - 8 dari 70 penyertaan dalam kategori Men IPT dalam Kejohanan Matrix MTB Challenge 2018 yang berlangsung di Kolej Matrikulasi Kelantan Kok Lanas.
9. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pasukan hoki pelajar wanita UniMAP kerana telah dinobatkan sebagai Naib Johan Kejohanan Hoki Antarabangsa USM ke - 45 bagi kategori wanita IPT dan tewas di tangan tuan rumah USM, 2 - 0.
10. Ucapan tahniah kepada Perpustakaan UniMAP dan MCMC atas Majlis Pelancaran MCMC - UniMAP Makerspace yang dibangunkan di perpustakaan ini. Semoga Makerspace akan dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar.

11. Tahniah juga kepada HEPA kerana bangunan JHEPA telah diserahkan oleh pihak JKR kepada UniMAP pada 30 November lalu dan ini bermakna bangunan tersebut telah layak untuk diduduki. Alhamdulillah.
12. Tidak ketinggalan, ucapan tahniah kepada 30 mahasiswa UniMAP yang menang dalam Pilihanraya Kampus yang berlangsung pada 5 Disember 2018 lalu. Mereka ini akan menerima pelantikan pada 13 Disember ini di TH Hotel Alor Setar Kedah.
13. Selain itu, tahniah juga kepada POTENSI UniMAP kerana menjalankan USR di Zoo Taiping dan menyantuni warga emas di Rumah Seri Kenangan yang dahulunya dikenali sebagai Yeah Wah Hospital. Malah mereka juga turut menyampaikan sumbangan berupa tilam, bantal dan wang tunai kepada penghuni rumah tersebut. Syabas dan Tahniah POTENSI.
14. Tahniah diucapkan kepada penyelidik dari CEGeoGTEch yang memenangi 3 pingat emas, 2 perak dan 1 gangsa serta dua anugerah khas dari Taiwan Inventor Association dan The Association of Polish Inventors and Rationalizers di Seoul International Invention Fair (SIIF 2018). Mereka adalah...

- **GOLD MEDAL**

- Dr Mohd Arif Anuar Mohd Salleh (CEGeoGTEch & School of Materials Engineering)
- Dr Syed Zulkarnain Syed Idrus (CEGeoGTEch & iKOM)
- Alida Abdullah (CEGeoGTEch & FETech)

- **SILVER MEDAL**

- Dr Dewi Suriyani Che Halin (CEGeoGTech & School of Materials Engineering)
- Dr Khairul Anwar Abdul Halim (CEGeoGTech & School of Materials Engineering)

- **BRONZE MEDAL**

- Liyana Ahmad Sofri (CEGeoGTech & FETech)

- **SPECIAL AWARD**

- Dr Mohd Arif Anuar Mohd Salleh (CEGeoGTech & School of Materials Engineering) - Taiwan
- Alida Abdullah (CEGeoGTech & FETech) - Poland

15. Ucapan tahniah buat Mohamed Mahad, pelajar UniMAP yang telah dinobatkan di tempat ketiga Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2018 bertempat di UniSZA. Beliau adalah pelajar dari Kejuruteraan Bioproses yang berasal dari United Kingdom. Tahniah kepada beliau.

16. Tahniah kepada pemenang pingat bagi Kejohanan Seni Bela Diri Taekwondo Terbuka Zon Selatan Malaysia yang Pertama 2018 di Muar, Johor yang berlangsung pada 7 hingga 9 Disember 2018. Untuk makluman, UniMAP telah menghantar wakil seramai 4 orang dan berjaya meraih 2 pingat emas dan 1 pingat perak.

Pemenang pingat

1. Anis Syafiqah bt Abdul Rahman (PPD) -Emas
2. Yii Tiu Ting (PPD) - Emas
3. Ang Sian Feng (PPD)- Perak

4. Muhamad Izzuddin Ilyas bin Mohd Yussuf (PPKSE) - tewas di suku akhir

17. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga UniMAP kerana UniMAP telah terpilih Antara empat institusi pendidikan untuk menjalankan hubungan kerjasama dengan ACM. Kita telah pun menandatangani Memorandum Persefahaman antara ACM & UniMAP bertempat di Aerospace Composite Malaysia Sdn. Bhd, Bukit Kayu Hitam, Kedah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir. Selain UniMAP, tiga lagi institusi pendidikan yang terpilih adalah POLIMAS, ILP Jitra dan IKBN Jitra.

18. Akhir sekali, ucapan tahniah kepada Prof Madya Dr Shahrman dari MoTECH (Motorsports Technology Research Unit) UniMAP kerana telah dijemput oleh YAB Perdana Menteri untuk membuat pembentangan Retro Bike ciptaan beliau di Pejabat Perdana Menteri semalam. Turut hadir ialah Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dr Maszlee Malik, Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Datuk Profesor Emeritus Dr. Kamarudin Hussin, Prof Rusni dan En Amirudin, CEO MODENAS. Tahniah dan UniMAP bangga dengan Prof Madya Dr Shahrman!

## **PERTANDINGAN MEREKACIPTA ARCA DARI BAHAN KITAR SEMULA BERSEMPENA BULAN KEBANGSAAN ANTARA PTJ 2018**

19. Sebelum saya terlupa, Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Majlis Profesor UniMAP telah menganjurkan Pertandingan Merekacipta Arca dari bahan kitar semula bersempena Bulan Kebangsaan Antara PTj 2018 yang berlangsung pada 15 Ogos hingga 21 September 2018. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 20 PTj telah mengambil bahagian dengan tema **"Sayangi Malaysiaku, Cintai UniMAPku"**.
20. Terima kasih saya ucapkan atas usaha semua PTj yang terlibat dalam menyokong Sambutan Hari Kebangsaan peringkat UniMAP. Semoga usaha anda semua berbaloi dan tahniah kepada para pemenang. Kepada yang kurang bernasib baik, cuba lagi tahun hadapan dan jangan berputus asa.

## **PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG**

### **MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UniMAP 2018/2019**

21. Pada 13 Disember 2018 nanti akan berlangsung Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP 2018/2019 bertempat di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah. Seperti yang saya katakan tadi, seramai 30 mahasiswa bakal dilantik manjadi MPP bagi sesi 2018/2019.

22. Pada 15 Disember pula akan berlangsung Program Festival of Engineering Technology Exhibition (FETEX 2018) yang dianjurkan oleh FTK dengan kerjasama Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan. Pada FETEX'18 ini, saya dimaklumkan sebanyak lima jabatan di FTK dengan kekuatan 13 program masing-masing telah menghantar 10 penyertaan produk projek tahun akhir terbaik dari setiap program masing-masing. Kiranya, 130 produk akan dipamerkan pada pameran tersebut. Tahniah FTK dan semoga semuanya berjalan dengan lancar.

## **PENUTUP**

### **PELANCARAN KEMPEN UniMAP KAMPUS BEBAS ASAP ROKOK**

#### **INFO KESIHATAN**

#### **KANSER PARU-PARU, PERBEZAANNYA KEPADA PEROKOK AKTIF DAN PASIF**

23. Kanser paru-paru kini diklasifikasikan sebagai masalah kesihatan lazim, bukan saja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Faktor risiko paling utama yang menyumbang ke arah peningkatan jumlah pesakit ini adalah tabiat merokok. Di Malaysia, kanser paru-paru adalah yang ketiga paling lazim selepas kanser payudara dan usus besar (kolorektal).
24. Menghisap rokok sama ada aktif atau pasif adalah penyumbang utama kepada kanser paru-paru. Ini kerana asap rokok mengandungi lebih 4,000 bahan kimia yang dikenal pasti sebagai penyebab kanser paru-paru. Perlu diketahui ciri kanser paru-paru dalam kalangan perokok dan bukan perokok mempunyai banyak perbezaan.



25. Biasanya, orang yang merokok atau perokok aktif tidak menyedut asap yang 'dalam'. Mereka hanya sedut sedikit dan hembus. Jadi, asap rokok itu tidak masuk ke bahagian dalam paru-paru dan lebih kepada bahagian luaran saja. Jika kanser berlaku sekalipun, simptom itu akan datang awal dan kanser akan lebih agresif.
26. Berbanding perokok pasif, mereka yang terdedah kepada asap rokok ini akan menyedut hingga ke bahagian dalam paru-paru. Kanser yang berlaku sukar menonjolkan sebarang simptom. Ia bagaimanapun berlaku di pinggir (periferi) paru-paru, bukan di tengah seperti dialami pesakit kanser yang merokok.
27. Perokok yang menghidap kanser paru-paru biasanya akan menunjukkan simptom jelas seperti batuk, batuk berdarah, penat dan susah bernafas. Namun bagi perokok pasif, sel kanser yang tumbuh di pinggir paru-paru menyukarkan pesakit mengesan masalah dihidapi dari awal.
28. Apabila simptom jelas mula kelihatan, biasanya sel kanser sudah pun merebak ke tahap tiga, empat dan mungkin sudah terlalu lewat untuk diubati. Sebab itu, dalam kebanyakan kes membabitkan bukan perokok wanita, mereka hanya sedar di peringkat lewat. Tidak ada simptom awal. Tetapi, dalam tempoh antara sebulan hingga setahun, ia sudah mula merebak ke tulang dan organ lain. Ketika inilah baru mereka sedar menghidap kanser.
29. Justeru, merokok bukan sahaja membahayakan diri perokok, bahkan membahayakan orang sekeliling terutamanya ahli keluarga dan rakan sekerja yang sentiasa bersama seharian.

30. Seperti kita sedia maklum, Universiti Awam merupakan salah satu daripada 23 kategori tempat yang diwartakan sebagai tempat dilarang merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Dalam memastikan UniMAP 100% Kampus Bebas Asap Rokok, kempen kesedaran dan aktiviti pematuhan akan dijalankan oleh pihak penguatkuasaan. Pesalah boleh dikenakan denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua tahun. Sukarelawan UniMAP Kampus Bebas Asap Rokok di kalangan staf dan pelajar akan ditubuhkan untuk membantu dalam mencapai matlamat UniMAP 100% Kampus Bebas Asap Rokok.
31. Marilah kita bersama-sama memastikan UniMAP Kampus Bebas Asap Rokok. Sayangilah diri, institusi dan generasi kita!
32. Untuk itu, Dengan harapan dan ucapan Bismillahir rahmannir rahim, saya dengan rasa sukacitanya melancarkan Kempen UniMAP Kampus Bebas Asap Rokok.
33. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Terima kasih.